

DAERAH HULU SELANGOR  
SEBAGAI HUB AUTOMOTIF



# MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

NASKAH PERCUMA

BIL.2#2022

📍 LORONG SENI JALAN DATO' TABAL, KUALA KUBU BHARU

Selamat Datang ke Lorong Seni  
Pelancongan Sukan KKB



MAJLIS ANUGERAH

## BANDAR RENDAH KARBON 2021 <sup>13</sup>



Sila imbas untuk  
versi digital

✉ korporatmphs@gmail.com

☎ 03-6064 1331

🌐 www.mphs.gov.my

📘📷 korporatmphsofficial



*Sekapur Sireh Seulas Pinang,  
Dihidang Untuk Makan Bersama,  
Kata Dititip Pantun Dikarang,  
Sebagai Pembuka Manis Bicara.*

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ  
dan salam sejahtera

Alhamdulillah, lafaz syukur saya ucapkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya Buletin MPHS Bil. 2/2022 berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga MPHS yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga segala informasi yang disediakan di dalam buletin ini dapat meningkatkan pengetahuan dan memberi manfaat kepada umum.

Saya juga sentiasa berpesan kepada warga kerja MPHS supaya sentiasa berfikir secara kreatif dan inovatif dalam menambah baik proses kerja sedia ada dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengamalkan budaya kerja yang unggul dan cemerlang serta sentiasa peka, cekap dan lebih responsif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan pemegang taruh.

Akhir kata, usaha berterusan harus dilakukan untuk memenuhi keperluan dan cabaran baru pada masa hadapan secara kolaborasi pintar dengan pihak berkepentingan. Semoga semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan Visi dan Misi MPHS sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri.

**TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD** A.M.S.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



SIDANG  
REDAKSI

BULETIN MPHS BIL. 2/2022

**PENAUNG** Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd A.M.S.  
Yang Dipertua

**PENASIHAT** Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S.  
Setiausaha

**KETUA PENGARANG** Puan Junainah Binti Abdullah  
Ketua Bahagian Korporat

**PENGARANG** Puan Rabiatal Adawiah Abdul Rahman • Puan Siti Khalijah Mahauddin

**JURU FOTO** Abdul Azim Bin Abu Bakar

**DITERBITKAN OLEH** Bahagian Korporat  
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Emel: korporatmphis@gmail.com 03 6064 1331 samb. 121 & 252

# K BULETIN MPHS BIL. 2/2022 KANDUNGAN

## SEKAPUR SIREH

2

### JANUARI

- |  |   |
|--|---|
| 1. PROGRAM <i>FOODSCAPE</i> 2022   | 5 |
| 2. MAJLIS MINUM PETANG SEMPENA MENGHARGAI PENGGIAT INOVASI 2020-2021                   | 5 |
| 3. BENGKEL SKT   | 5 |
| 4. PELEPASAN AKTIVITI MENDAKI BUKIT BATU PAHAT PELAJAR MRSM KUALA KUBU BHARU           | 6 |
| 5. PROGRAM MINUM PETANG BERSAMA WAKIL RAKYAT DAN PENGARAH JABATAN DAERAH HULU SELANGOR | 6 |
| 6. PROGRAM ANUGERAH ISTIMEWA (OKU)   | 6 |
| 7. LAWATAN KE UMW AEROSPACE  | 7 |
| 8. SESI AUDIT PROGRAM <i>LOW CARBON CITIES 2030 CHALLENGE (LCC2030C)</i>               | 7 |
| 9. PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA PINTAR ADENIUM, BUKIT BERUNTUNG                        | 7 |

### FEBRUARI

- |  |    |
|--|----|
| 10. INAP DUSUN DIKENAKAN KOMPAUN OLEH MPHS             | 8  |
| 11. CABUT UNDI TAPAK PENIAGA BATANG KALI               | 8  |
| 12. PERLAWANAN BOLASEPAK ANTARA JABATAN                | 8  |
| 13. PROGRAM RAMAH MESRA BOLING MPHS BERSAMA MEDIA      | 9  |
| 14. KEJOHANAN FUTSAL 4 PENJURU                         | 9  |
| 15. OPERASI JABATAN LANDSKAP                           | 9  |
| 16. KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN 5S                   | 10 |
| 17. PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLASEPAK MPHS MELAWAN MPS | 10 |
| 18. LAWATAN TUAN YDP KE BUKIT FRASER                   | 11 |

### MAC

- |   |    |
|---|----|
| 19. <i>TASK FORCE</i> OPERASI PEMATUHAN PENIAGA   | 11 |
| 20. PERHIMPUNAN PAGI PENJAWAT AWAM BERSAMA YANG BERTAMBAH BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR | 12 |
| 21. KURSUS PROTOKOL   | 12 |
| 22. MAJLIS TAHLIL MPHS  | 12 |
| 23. <i>MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS 12, 2022 (MLAA12)</i>                                     | 13 |
| 24. ZIARAH RAMADHAN 2022  | 14 |
| 25. BENGKEL HALA TUJU EIS MPHS FASA 3   | 14 |



### APRIL

- |  |    |
|--|----|
| 26. MAJLIS APC 2021 DAN JASAMU DIKENANG MPHS   | 15 |
| 27. PROGRAM WLAM   | 15 |
| 28. MAJLIS PERASMIAN PUSAT KOMPOS PERTAMA MPHS   | 16 |
| 29. MAJLIS SAMBUTAN OSC 15 TAHUN   | 16 |
| 30. KUNJUNGAN HORMAT KE IBU PEJABAT PKNS SERTA TAKLIMAT PEMBANGUNAN OLEH PKNS              | 17 |
| 31. MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SERAHAN SUMBANGAN AIDILFITRI YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR | 17 |
| 32. JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT  | 18 |
| 33. MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN, BACAAN YASIN DAN TAHLIL                                       | 18 |
| 34. PROGRAM BAZAR MAMPAN 2022  | 18 |
| 35. IFTAR TERBUKA WLAM 2022  | 19 |
| 36. MESYUARAT KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS   | 19 |

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# K BULETIN MPHS BIL. 2/2022 KANDUNGAN

## MEI

37. SUKARELAWAN BENCANA	21
38. TAKLIMAT PROGRAM MURNINETS 2.0	21
39. KEJOHANAN BOLA JARING MALAYSIA SPORT LEAGUE (MSL) 2022	21
40. BENGKEL PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S)	22
41. LAWATAN MENGEJUT YDP	22
42. BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN TENDER PROJEK	23
43. MAJLIS MAHABBAH AIDILFITRI 2022	23
44. OPERASI JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	24

## JUN

45. LAWATAN KOLAM AIR PANAS HULU TAMU	24
46. LAWATAN TAPAK PROJEK	24
47. LAWATAN RUMAH HUTAN	25
48. LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN	25



## 26 HULU SELANGOR ULTRA TRAIL (HSUT)



49. HULU SELANGOR ADVENTURE CHALLENGE (HSAC)	26
50. MAJLIS MINUM PETANG DAN PENYERAHAN GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN	27
51. SESI LIBAT URUS SUK	27
52. MAJLIS APRESIASI JMD/MC 2021	27
53. KONVOI MBPJ KE MPHS	28
54. MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (MPIPANS) 2022	28
55. PROGRAM MAHABBAH BERSAMA IPD HULU SELANGOR	29
56. MPHS ANJUR HARI BERTEMU PELANGGAN	29
57. MAJLIS MERAIKAN PESARA DAN BAKAL PESARA MPHS	30
58. OPERASI SITA ROPE SWING	30
59. LATIHAN KEBAKARAN	30

60. PROGRAM AHLI MAJLIS	31-33
61. KERATAN AKHBAR	34-35
62. LAPORAN ADUAN	36-37
63. DIREKTORI PENGURUSAN DAN AHLI MAJLIS	38-39

## PROGRAM FOODSCAPE 2022



**6 JANUARI 2022** • Taman Desa Anggerik, Serendah. Penyerahan sumber tanaman sebagai menambah pendapatan isi rumah terkesan dari wabak covid-19.

**Peserta : 16 Orang (15 pokok setiap isi rumah)**

**Jumlah : 240 anak pokok cili solok lada**

Penyerahan oleh LAr. Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap MPHS dan Encik Lee Meng Wei, Ahli Majlis Bukit Beruntung Zon 16.



## MAJLIS MINUM PETANG SEMPENA MENGHARGAI PENGGIAT INOVASI 2020 - 2021



**7 JANUARI 2022** • Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur. Program ini diadakan bagi menghargai serta mengiktiraf karya serta kreativiti warga MPHS yang telah berjaya mengharumkan nama Majlis Perbandaran Hulu Selangor di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Beliau turut menyampaikan hadiah, insentif bernilai RM200 serta sijil penghargaan kepada 14 kategori anugerah/pencapaian berkumpulan. Turut hadir ialah, Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat merangkap Penyelaras Kualiti dan Inovasi Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



## BENGGKEL SKT

**13 JANUARI 2022** • Hotel Viel, Ipoh. Bengkel yang telah dilaksanakan selama 3 hari 2 malam telah melibatkan semua pengarah-pengarah jabatan dan bahagian Majlis Perbandaran Hulu Selangor bagi membincangkan sasaran kerja tahunan 2022.





## PELEPASAN AKTIVITI MENDAKI BUKIT BATU PAHAT PELAJAR MRSM KUALA KUBU BHARU

17 JANUARI 2022 • Pintu Gerbang MRSM, Kuala Kubu Bharu. Pelepasan (Flag Off) aktiviti mendaki Bukit Batu Pahat bagi pelajar Tingkatan Lima, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuala Kubu Bharu telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut mengiringi Puan Hazlina binti Jaafar, Pengetua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuala Kubu Bharu serta Encik Muhamad Paizal bin Othman, Yang Dipertua Muafakat, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuala Kubu Bharu.



## PROGRAM MINUM PETANG BERSAMA WAKIL RAKYAT DAN PENGARAH JABATAN DAERAH HULU SELANGOR

19 JANUARI 2022 • Richiamo, Bukit Sentosa.



Perjumpaan diketuai oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS dengan turut disertai oleh Yang Berhormat Puan June Leow Hsiad Hui, Ahli Parlimen Hulu Selangor, Yang Berhormat Puan Lee Kee Hiong, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu, Yang Berhormat Datuk Rosni binti Sohar, Ahli Dewan Undangan Negeri Hulu Bernam, pengarah dan ketua jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Perjumpaan ini bertujuan bagi membincangkan isu rakyat antaranya dalam sektor pelaburan, ekonomi, sosial dan pelancongan serta bertukar-tukar pandangan selain merapatkan ukhuwah di antara MPHS selaku PBT di daerah ini bersama wakil rakyat demi untuk membangun dan memajukan daerah ini.



## PROGRAM ANUGERAH ISTIMEWA (OKU)

24 JANUARI 2022 • Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Kuala Kubu Bharu. Program ini melibatkan seramai 432 orang pelatih di sembilan buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang ada di Daerah Hulu Selangor yang memerlukan bantuan pembelajaran dari segi peralatan fisioterapi dan peralatan menjahit. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Hj Zahiah binti Shaharun, Pengerusi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Kuala Kubu Bharu. Majlis penyerahan telah disampaikan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, Encik Muhammad Zaim bin Abdul Halim, Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Puan Saripah binti Hj Bakar, Ahli Majlis dan Encik Chinniah a/l Subramaniam, Ahli Majlis.



## LAWATAN KE UMW AEROSPACE



**24 JANUARI 2022** • UMW Aerospace, Bandar Industri Bernilai Tinggi, Serendah. Lawatan ini bertujuan untuk melihat pengoperasian dan kemajuan projek oleh pihak UMW Development Sdn. Bhd. dengan lebih dekat. Delegasi dari Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah diketuai oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS disambut oleh Encik Mohammad Azli Samad, *Head Business & Programme Management* UMW Aerospace Sdn. Bhd., Encik Eric Chew Kar Kean, *Group Director, Property & Development*, UMW Development Sdn. Bhd. Serta pihak pengurusan tertinggi UMW Aerospace Sdn. Bhd. dan UMW Development Sdn. Bhd. Turut hadir ialah Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua dan jabatan-jabatan teknikal Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



## SESI AUDIT PROGRAM LOW CARBON CITIES 2030 CHALLENGE (LCC2030C)



**27 JANUARI 2022** • Jabatan Perancang Bandar, MPHS. Sesi audit ini dilaksanakan bertujuan untuk perakuan dan pengiktirafan prestasi karbon Majlis Perbandaran Hulu Selangor bagi tahun 2020 oleh empat orang pegawai dari Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) iaitu Cik Nor Aslaili binti Mahmood, Encik Mohammad Fendi bin Mustafa, Puan Wan Nur Azwani binti Mohamad Masri dan YM Raja Aiman bin Raja Ahmad Tajudin Shah. Turut sama adalah Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan mengharapkan agar sesi audit ini memberikan keputusan yang positif dari pihak MGTC. Beliau komited dalam pelaksanaan program ini selaras dengan matlamat Hulu Selangor ke arah bandar rendah karbon pada tahun 2035.

## PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA PINTAR ADENIUM, BUKIT BERUNTUNG



**29 JANUARI 2022** • Pusat Kitar Semula Pintar Adenium, Bukit Beruntung. Program perasmian Pusat Kitar Semula Pintar Adenium, Bukit Beruntung telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli. Turut hadir ke majlis perasmian tersebut ialah Yang Berhormat Puan June Leow Hsiad Hui, Ahli Parlimen Hulu Selangor, Yang Berhormat Tuan Harumaini bin Haji Omar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batang Kali, Tuan Saifuddin bin Shafi Muhammad, Penyelaras Dun Batang Kali, Y.D.M Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Ahli Majlis kawasan serta Pengurusan Tertinggi MPHS.

## INAP DUSUN DIKENAKAN KOMPAUN OLEH MPHS

**4 FEBRUARI 2022 • Kalumpang.** Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menjalankan pemantauan penguatkuasaan Inap Dusun di Refreshing Springs Resort Sdn Bhd, gumut tambahan, mukim kalumpang. Operasi yang dikendalikan oleh Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang MPHS mendapati pihak pemilik resort telah membuat kerja-kerja pengubahsuaian struktur bangunan di tapak. Siasatan lanjut mendapati bahawa kerja-kerja pengubahsuaian tidak mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada pihak MPHS.



## CABUT UNDI TAPAK PENIAGA BATANG KALI



**9 FEBRUARI 2022 • Batang Kali.** Bahagian Pelesenan MPHS telah membuat pemeriksaan di tapak baru penjaja di JRD, Batang Kali. Semua penjaja asal di Jalan Meranti 2, Batang Kali telah diarahkan berpindah ke lokasi baru tersebut. Pada hari yang sama pemilihan tapak telah dilaksanakan secara undian dan ditentukan oleh penjaja sendiri. Beberapa anggota Penguatkuasaan Bahagian Pelesenan MPHS telah terlibat pada hari tersebut.



## PERLAWANAN BOLASEPAK JABATAN

**9 FEBRUARI 2022 • Stadium Majlis Perbandaran Selayang.** Perlawanan persahabatan bola sepak antara MPS dengan MPHS yang telah diadakan di Stadium Majlis Perbandaran Selayang dengan keputusan memihak kepada MPHS 6-2. Turut hadir menyaksikan perlawanan ini adalah Tuan Mohd Yazid bin Shari Yang Dipertua MPS, Timbalan Yang Dipertua MPHS merangkap Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPHS, Tuan Awaludin bin Zakaria, Encik Ahmad Faizal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPS dan Encik Khairul Nizam bin Mohamed Khanafi, Penolong Pegawai Penguatkuasa Kanan MPHS memberi sokongan kepada pemain kedua-dua PBT. Perlawanan persahabatan ini diadakan bagi mengekalkan hubungan silaturrahim antara kedua-dua PBT.





## PROGRAM RAMAH MESRA BOWLING MPHS BERSAMA MEDIA



**11 FEBRUARI 2022** • Wangsa Bowl, One Utama. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir bersama Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian serta Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Program secara tahunan ini diadakan sebagai menghargai kerjasama dan komitmen rakan media, mengeratkan lagi jalinan hubungan kerjasama yang erat.

**Johan** telah dimenangi oleh Kumpulan Buletin Utama (Media Prima), **Naib Johan** Kumpulan Semangat 2020 (Bernama) dan ketiga kumpulan Metro (Harian Metro). Bagi kategori individu lelaki dan perempuan (High Score) pula telah dimenangi oleh pemain dari Kumpulan

Semangat 2020 iaitu Encik Abdul Halim bin Hafiz dan Puan Maznah binti Abu Bakar.



## KEJOHANAN FUTSAL 4 PENJURU



**12 FEBRUARI 2022** • Gelanggang Futsal Majlis Daerah Sabak Bernam. Kejohanan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan selain dapat bertukar-tukar idea dan pandangan mengenai perkhidmatan perbandaran.

Kejohanan futsal ini telah dirasmikan oleh Tuan Azman bin Dahlan, Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang memberikan sokongan padu kepada pemain dari Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



### KATEGORI LELAKI

Johan	MPKS
Naib Johan	MPHS

### KATEGORI WANITA

Johan	MPHS
Naib Johan	MPKS

## OPERASI JABATAN LANDSKAP

**14 FEBRUARI 2022** • Operasi pembersihan rezab jalan telah dilaksanakan di bawah Program Naik Taraf Imej Bandar MPHS yang melibatkan Jabatan Landskap MPHS, Jabatan Perancang Bandar MPHS, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPHS dan Jabatan Kejuruteraan. Turut serta dalam operasi ini, Ahli Majlis MPHS, Encik Murali a/l Samee dan Encik Cinniah a/l Subramaniam. Pihak PDRM juga turut serta bagi pemantauan keadaan operasi ini dilaksanakan. Pembersihan melibatkan tanaman dan struktur bangunan yang tidak dibenarkan berada atas rezab jalan.



## KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN 5S

17-19 FEBRUARI 2022 • Hotel Veil, Ipoh. Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti QE5S yang melibatkan semua penyelaraz zon MPHS bertujuan membincangkan tentang kriteria-kriteria, perancangan, kaedah dan impak bagi memantapkan pelaksanaannya.



## PERLAWANAN PERSABATAN

18 FEBRUARI 2022 • Stadium Majlis Perbandaran Selayang



Perlawanan persahabatan ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan Majlis Perbandaran Selayang dan Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir menyaksikan perlawanan bola sepak adalah Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang serta Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Keputusan perlawanan memihak kepada pasukan dari Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



## LAWATAN TUAN YDP KE BUKIT FRASER



**21 FEBRUARI 2022** • Bukit Fraser. Pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menyelaras lawatan Tuan Yang Dipertua bersama jabatan teknikal yang lain ke Produk Pelancongan Hulu Selangor seperti Sungai Chilling, Air terjun Pertak, Air Terjun Serendah, Jalan Gap Bukit Fraser, Air Terjun Semangkok dan lain-lain kawasan persempadanan Hulu Selangor-Bukit Fraser bagi melawat kawasan yang perlu dinaiktaraf atau dibaik pulih. Hasil lawatan terdapat beberapa kawasan yang perlu dibangunkan seperti mercu tanda, baik pulih pintu gerbang dan tandas di Bukit Fraser. Pihak jabatan diarahkan supaya mendapatkan peruntukan dari kerajaan negeri bagi projek-projek yang akan dilaksanakan.

## TASK FORCE OPERASI PEMATUHAN PERNIAGAAN



**1 MAC 2022** • Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Majlis Perbandaran Hulu Selangor menubuhkan Task Force Operasi Pematuhan Perniagaan bagi memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan premis-premis perniagaan yang melakukan kesalahan di kawasan Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Pasukan khas ini terdiri daripada lima jabatan dalaman yang diberi tugas untuk mengemaskini dan mengenal pasti status premis-premis di kawasan yang ditetapkan. Antara jabatan yang terlibat adalah Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Pelesenan. Tumpuan utama pelaksanaan task force ini difokuskan kepada premis perniagaan dan perindustrian yang beroperasi tanpa lesen dan bangunan-bangunan kosong yang wujud di lokasi yang diperiksa.



## PERHIMPUNAN PAGI PENJAWAT AWAM BERSAMA YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



**7 MAC 2022 • Dewan Serbaguna Dan Kompleks Sukan PDTHS.** Majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam Daerah Hulu Selangor bersama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Dato' Hj. Haris bin Kasim telah dihoskan oleh Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor. Turut hadir, Tuan Hanafe bin Basri, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, YDM Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah dan Tuan Supt. Arsad bin Kamaruddin, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor.

## KURSUS PROTOKOL



**18-19 MAC 2022 • Hotel Espira Kinrara, Puchong.** Kursus Pengurusan Majlis Kerajaan dan Etiket Sosial, Majlis Perbandaran Hulu Selangor Tahun 2022 diadakan pada 18-19 Mac 2022 (Jumaat-Sabtu), 2 hari 1 malam bertempat di Espira Kinrara Hotel Puchong. Kursus ini melibatkan seramai 20 orang Ahli Jawatankuasa Protokol, Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang baru dilantik pada 1 Januari 2022. Penceramah jemputan ialah Tuan Sophian bin Ab Rahman, A.D.K., B.S.K., K.M.W., A.M.N., A.M.K.



## MAJLIS TAHLIL MPHS

**24 MAC 2022 • Kediaman Rasmi Tuan YDP.** Majlis bacaan yasin dan tahlil dipimpin oleh Encik Abdullah Shahrul bin Rosli, Ketua Unit Integriti Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Majlis ini dihadiri oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Bahagian serta warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Majlis ini diadakan bersempena dengan ketibaan bulan Ramadhan serta mendoakan kesihatan serta kesejahteraan warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang diuji dengan wabak Covid-19 dan penyakit-penyakit lain.



## MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2021



**22 MAC 2022** • Hotel Equatorial Plaza, Kuala Lumpur. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima **empat Anugerah Pengiktirafan Diamond** atas pencapaian dalam pengurangan pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) melalui penyertaan MPHS dalam Program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (LCC2030C) bagi Tahun 2021. Pengiktirafan Diamond ini terdiri daripada satu Kategori Zon iaitu Bandar Kuala Kubu Bharu dengan pengurangan karbon sebanyak 48.94% bersamaan 3,767.17 tCO<sub>2</sub>e dan tiga Kategori Rakan Kongsi iaitu Ibu Pejabat MPHS dengan pengurangan karbon sebanyak 14.33% bersamaan 38.17 tCO<sub>2</sub>e, Hospital Kuala Kubu Bharu 14.28% bersamaan 173.83 tCO<sub>2</sub>e dan Masjid Ar-Rahimah Kuala Kubu Bharu 24.43% bersamaan 18.73 tCO<sub>2</sub>e. Majlis Perbandaran Hulu Selangor turut menerima empat Pensijilan Sementara (Provisional Certificate) yang terdiri daripada satu Kategori Zon iaitu Kawasan Perindustrian Kenanga - Jasmine Bukit Beruntung dan tiga Kategori Rakan Kongsi iaitu SK Kuala Kubu Bharu 2, SJKT Kuala Kubu Bharu dan SJKC Khing Ming atas usaha pembangunan data penanda aras rendah karbon.



## MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARD 12, 2022 (MLAA12)



**25 MAC 2022** • The Wembley, George Town, Penang. Majlis Perbandaran Hulu Selangor melalui Jabatan Landskap telah menerima Anugerah Merit Award Government Agency - Category Green Initiatives Award daripada Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) atas pencapaian sistem Data Is King bagi tahun 2019. Sistem ini adalah sistem pangkalan data inventori landskap yang dibangunkan oleh Jabatan Landskap bagi mengumpul data pokok dan aset landskap secara bersepadu dalam kawasan seliaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Anugerah telah disampaikan oleh Puan Hajah Rotinah binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN) kepada Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir menerima anugerah ialah LAr Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

# ZIARAH RAMADHAN 2022

26-27 MAC 2022 • Sekitar Daerah Hulu Selangor. Bagi meringankan beban golongan asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan dan bersempena menyambut bulan ramadhan MPHS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menyalurkan sumbangan barangan keperluan asas makanan kepada 429 penerima di sekitar Daerah Hulu Selangor. Setinggi tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis, MPHS kerana turut sama menyumbang dan menjayakan program ini.



# BENKEL HALA TUJU EIS MPHS FASA 3

31 MAC 2022 • Empire Hotel, Subang Jaya. Bengkel ini menentukan hala tuju pembangunan sistem perkongsian pintar dalam golongan EIS (Executive Information System) MPHS. Program ini dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua. Turut hadir, Timbalan Tuan Yang Dipertua, Majlis Bandaraya Subang Jaya selaku penceramah jemputan untuk perkongsian ilmu berkaitan EIS. Bengkel ini berlangsung selama 3 hari 2 malam.



# Majlis APC 2021

## DAN JASAMU DIKENANG MPHS

1 APRIL 2022 • Geo Resort And Hotel, Genting Highlands

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 dan Jasamu Dikenang Majlis Perbandaran Hulu Selangor disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Mohamad Zahri bin Samingon Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) dan turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 kepada 34 daripada 440 warga Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang menunjukkan prestasi dan khidmat bakti yang cemerlang di sepanjang tahun 2021. Beliau turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Setia (25 Tahun Perkhidmatan) kepada sembilan orang penerima dan Anugerah Penghargaan Jasamu Dikenang (Pesara) diberikan kepada empat orang pesara.

Tema APC 2021 adalah **Glam, Glitters, Glitz**. Majlis pada malam itu turut diserikan lagi dengan nyanyian daripada artis undangan Acong Sweetchild.



## PROGRAM WLAM

9 APRIL 2022 • Dataran Kuala Kubu Bharu. Sempena Sambutan World Landscape Architecture Month yang di sambut setiap April, Jabatan Landskap MPHS telah mengadakan sesi taklimat kepada para peserta yang mengambil Bahagian dalam Pertandingan Rekabentuk Landskap Dataran Kuala Kubu Bharu. Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Arkitek Landskap, Encik Mohd Noor Effendi bin Mohd Tahir. Taklimat yang disampaikan menurus kepada penerangan berkaitan rekabentuk dan syarat-syarat pertandingan. Sesi taklimat ini juga turut dihadiri oleh pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar IPTA antaranya daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Nilai dan Kolej Vokasional dan Teknikal Rembau.





## MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGELUARAN KOMPOS PERTAMA MPHS

14 APRIL 2022 • Jalan Kenanga 9, Bukit Beruntung

Majlis Perasmian Pusat Pengeluaran Kompos pertama milik MPHS telah diadakan dengan tema Landskap Berdaya Tahan bersempena *World Landscape Architecture Month (WLAM)* pada tahun ini dan telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd dengan dihadiri oleh Ketua Operasi KDEB Cawangan Hulu Selangor, Al Kamarizal Abd Latif, Timbalan Yang Dipertua MPHS, Awaluddin Zakaria, Ahli Majlis serta Pengarah dan Ketua Jabatan MPHS.

Dengan wujudnya Pusat Pengeluaran Kompos ini diharapkan sisa penyelenggaraan landskap dan sisa pemotongan rumput tidak lagi dibuang ke tapak pelupusan sampah dan diproses untuk menghasilkan baja kompos. Pengkomposan itu sendiri adalah satu sistem alternatif dan proses penguraian biologi kos rendah kepada sistem pengurusan sisa pepejal sedia ada.

Semoga kewujudan Pusat Pengeluaran Kompos ini dapat meningkatkan nilai tambah dalam usaha-usaha membudayakan landskap di peringkat Daerah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi dan hasil-hasil kompos boleh dijadikan sebagai salah satu sumber pendapatan.



## MAJLIS SAMBUTAN OSC 15 TAHUN

13 APRIL 2022 • Ibu Pejabat MPHS. Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Majlis bertambah meriah di perkarangan lobi di mana aktiviti-aktiviti seperti kuiz, ucapan, pemberian cenderamata dan sesi bergambar mendapat sambutan pengunjung yang hadir.

Terdahulu di dalam ucapan beliau menyatakan Bahagian Pusat Setempat (OSC) yang bermula pada tahun 2007 bertindak sebagai penyelaras pemajuan dengan prosedur yang telus dan seragam; juga sebagai fasilitator atau pemudahcara bagi proses pemajuan dan bertanggungjawab mengawal pemajuan di Hulu Selangor.





## KUNJUNGAN HORMAT KE IBU PEJABAT PKNS SERTA TAKLIMAT PEMBANGUNAN OLEH **PKNS**



**15 APRIL 2022** • Ibu Pejabat PKNS Di Seksyen 14, Shah Alam. Kunjungan hormat ini diketuai oleh Tuan Mohd Hasry Nor bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir Pengarah dan Ketua Jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Ini adalah perjumpaan rasmi ketiga Tuan Yang Dipertua bersama pelabur / pemaju Daerah Hulu Selangor bagi mendengar sebarang isu yang timbul dalam pelaksanaan pembangunan serta bertukar pandangan di dalam memajukan lagi Daerah Hulu Selangor. Taklimat pembangunan Antara Gapi disampaikan oleh Puan Lenny Liana binti Kasmaln, Pengurus Besar Pembangunan Antara Gapi. Taklimat pembangunan Bernam Jaya oleh Tuan Ir. Ts. Haji Ahmad Feruz bin Izharuddin, Pengarah Projek Pembangunan Bernam Jaya.



## MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PENYERAHAN **SUMBANGAN AIDILFITRI** YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



**19 APRIL 2022** • Masjid Nurul Iman, Serendah. Lebih 300 ketua jabatan pelbagai agensi dan penduduk daerah ini dirai dalam majlis berbuka puasa bersama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Pada majlis berkenaan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor meluangkan bersama menghayati dan bertadabbur kitab suci al-Quran menerusi Majlis Tadarus al-Quran Perdana Hulu Selangor.

Bacaan al-Quran itu disertai 70 wanita tadarus sekitar Hulu Selangor, 30 pelajar Maahad Tahfiz Nurul Iman dan Maahad Tahfiz Darul Huffaz. Masjid yang menerima sumbangan ialah Masjid As Salam, Masjid Saidina Ali, Masjid Nurul Iman, Masjid Al Falah, Masjid Ar-Rahimah dan Masjid Kampung Gesir Tengah. Penerima sumbangan lain adalah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) DUN Batang Kali sejumlah RM14,000 dan bantuan Aidilfitri kepada 21 anak-anak asnaf di kawasan ini.



## Jom baca bersama



**21 APRIL 2022** • Ibu Pejabat MPHS. Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit Peringkat Negeri Selangor ini dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor. Ia bertemakan Bangkit Baca dan Bersyukur. Program di peringkat Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah mendapat sambutan dan penglibatan yang baik daripada Pengurusan Tertinggi, Ahli-Ahli Majlis dan seluruh warga kerja.





## MAJLIS KHATAM AL- QURAN, BACAAN YASIN DAN TAHLIL



**21 APRIL 2022** • Bilik Mesyuarat Chiling, MPHS. Majlis ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) dengan kerjasama Anulae Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Majlis Khatam al-Quran, Bacaan Yasin dan Tahlil diketuai oleh al-Fadil Ustaz Ramli bin Ramli. Para peserta telah memperdengarkan bacaan 22 buah surah lazim al-Quran. Seramai **51 peserta** iaitu ahli KSDK telah berjaya khatam al-Quran melalui program tadarus al-Quran yang telah diadakan selama satu jam setiap pagi sepanjang bulan Ramadhan. Penyampaian cenderamata kepada peserta telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry Nor bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua serta Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan merangkap Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK).



## PROGRAM BAZAAR MAMPAN 2022







**22 APRIL 2022** • Tapak Bazar Ramadan Jalan Ara, Batang Kali. Majlis Perasmian Bazar Ramadan Mampam 2022 telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor anjuran Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Beliau turut berpuas hati kerana rata-rata meniaga dan pengunjung mematuhi arahan dan SOP yang ditetapkan. Selain meninjau operasi penjualan di tapak, beliau juga turut meluangkan masa beramah mesra dan menyampaikan cenderamata kepada para peniaga. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Encik Kamaruzzaman bin Abd Rahman, Pengarah Jabatan Pelesenan, Ahli-Ahli Majlis Kawasan Batang Kali dan Pengarah Jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Pihak Agro Bank Cawangan Kuala Kubu Bharu yang diwakili oleh Puan Norfadilah binti Harun, Pengurus Cawangan juga turut serta pada program kali ini dengan mengedarkan sumbangan bubur lambuk percuma kepada para pengunjung.


## IFTAR TERBUKA WLAM 2022

**22 APRIL 2022** • Taman Awam Jenjarom, Bukit Beruntung. Sempena Sambutan Bulan World Landscape Architecture Month (WLAM) yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jabatan Landskap MPHS telah mengadakan Program Iftar Terbuka bertempat di Taman Awam Jenjarom, Bukit Beruntung.

Pelbagai juadah iftar disediakan secara percuma kepada komuniti Hulu Selangor yang hadir seperti kurma, kuih-muih dan nasi lemak sebagai juadah berbuka puasa.

Selain daripada iftar, tazkirah Ramadan juga turut disampaikan oleh penceramah jemputan. Kira-kira seramai 150 org yg terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan keluarga hadir bagi memeriahkan program ini.

Turut hadir Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS, YDM Raja Dato' Muzaffar Bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Ahli - Ahli Majlis dan warga kerja MPHS.



## MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS



**26 APRIL 2022** • Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan Majlis Perbandaran Hulu Selangor kali yang ke-36 telah diadakan di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Program ini telah dihadiri seramai 311 orang yang terdiri daripada Ahli Majlis dan kakitangan MPHS merangkap ahli Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK). Jemputan mesyuarat agung kali ini adalah secara bersemuka dan masih lagi mengamalkan SOP yang telah ditetapkan.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# RUMAH TERBUKA AIDILFITRI

## PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR

**15 MEI 2022** • Dewan Serbaguna Dan Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir ke majlis ini dan turut menyantuni anak-anak kecil dengan menyampaikan duit raya.

Turut hadir Yang Berhormat Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Y.D.M Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor serta Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Daerah.





## SUKARELAWAN BENCANA

**17 MEI 2022** • Kampung Jawa, Kampung Pasir, Ladang Estet Sungai Dua Dan Kampung Air Panas, Kerling. MPHS telah menggerakkan seramai 80 orang **Sukarelawan Misi Bantuan Pasca Banjir MPHS** bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terjejas teruk berikutan hujan berterusan menyebabkan beberapa kawasan di Hulu Selangor mengalami banjir kilat antaranya Kampung Jawa, Kampung Pasir, Ladang Estet Sungai Dua dan Kampung Air Panas di Kerling.

MPHS juga ada menggerakkan pasukan pembersihan daripada pihak Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management (KDEBWM) bagi membantu melakukan kerja-kerja pembersihan sampah.



## TAKLIMAT PROGRAM (MURNINETS 2.0)



**19 MEI 2022** • Bilik Mesyuarat Chiling, MPHS. Majlis Perbandaran Hulu Selangor berbesar hati menerima kehadiran delegasi dari PLANMalaysia Semenanjung Malaysia pada Mesyuarat Jawatankuasa Smart Mampam Hulu Selangor pada hari ini.

Pihak PLANMalaysia diwakili oleh Puan Wardiyah binti Senik @ Abdul Mokhti, Ketua Unit Pembangunan Mampam, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia telah memberikan taklimat berkenaan Pelaksanaan Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampam Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNINETS 2.0) kepada Pengurusan Tertinggi, Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan dan Bahagian.

## KEJOHANAN BOLA JARING MALAYSIA SPORT LEAGUE (MSL) 2022

**21 MEI 2022** • Gelanggang Sukan, Kampung Melayu, Rasa Tambahan. MPHS telah menyertai kejohanan tersebut dan seramai 12 orang pemain termasuk pengurus turut serta. Sebanyak 6 pasukan telah menyertai kejohanan ini dan pertandingan diadakan secara *roundrobin*. Keputusan pada kejohanan ini Pasukan MPHS telah mendapat tempat ketiga bersama Pasukan Andusia NC manakala naib johan dimenangi oleh Pasukan

Leopardez dan **JOHAN** dimenangi oleh **Pasukan Lionez**. Pasukan MPHS akan cuba mempertingkatkan lagi mutu permainan supaya dapat terus maju di dalam setiap kejohanan yang disertai.



# BENGGEL PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S)



**24-25 Mei 2022 • Tasik Kebun, Serendah.** Bengkel Semakan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Premis Pelancongan Inap Dusun di Bawah Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S). Objektif utama bengkel ini adalah bagi menyemak semula Garis Panduan bagi pembangunan Inap Dusun di daerah Hulu Selangor. MPHS selaku PBT perintis, komited dalam usaha memutihkan Premis-premis Inap Dusun di Hulu Selangor yang mana beroperasi tanpa kebenaran. Sehingga Mei 2022 sebanyak **14 Inap Dusun telah diputihkan** melalui program ini. Program seumpama ini diharap dapat meningkatkan sektor pelancongan daerah Hulu Selangor.



# LAWATAN MENGEJUT TUAN YDP



**24 MEI 2022 • Kampung Jawa,** Tuan Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd Hasry Nor Mohd turun padang meninjau Air Terjun Serendah dan Perigi Tujuh Serendah yang kedua-dua lokasi ini merupakan kawasan tarikan pengunjung terutama setiap hujung minggu. Turut mengiringi Tuan YDP, Puan Azlina Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang dan Puan Nurulhuda Ahmad, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat.



## BENGGEL SEMAKAN DOKUMEN TENDER PROJEK

**26-27 MEI 2022** • Kampung Jawa, Bengkel Semakan Dokumen Tender Projek bagi Cadangan Membina Sebuah Dewan di Taman Tasik Millenium, Bandar Kuala Kubu Bharu dan di Persiaran Seroja, Bandar Bukit Sentosa, Mukim Serendah bagi Tetuan Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah diadakan pada 26 – 27 Mei 2022 yang lalu. Bengkel ini turut dihadiri oleh Yang Dipertua, MPHS, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Timbalan Yang Dipertua, MPHS, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Pengarah serta Ketua Bahagian Jabatan Teknikal Dalaman, MPHS dan pasukan perunding bagi kedua-dua projek dewan tersebut. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bagi membuat semakan dan pengesahan terlebih dahulu dari aspek teknikal bagi penyediaan dokumen dan lukisan tender oleh pihak perolehan.



## Majlis Mahabbah Aidilfitri 2022

**30 MEI 2022** • Kwarters Kasturi, Ampang Pecah. Majlis Mahabbah Aidilfitri kali ini diadakan secara tertutup di perkarangan Kwarters Kakitangan MPHS, Kwarters Kasturi di Ampang Pecah. Majlis ini disambut dengan meriah serta disajikan dengan pelbagai juadah hari raya. Pada majlis ini juga turut diadakan pertandingan baju raya paling vouge bagi kategori lelaki dan perempuan. Pemenang bagi kategori perempuan dimenangi oleh Puan Suzela binti Jamaluddin dari Jabatan Perbendaharaan dan bagi kategori lelaki dimenangi oleh Noor Akmal Nizam bin Abu Nasir dari Jabatan Kejuruteraan. Turut hadir meraikan majlis ini Ahli-Ahli Majlis MPHS.



## OPERASI JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

**31 MEI 2022 • Ladang Ulu Selangor, Rasa.** Seramai 17 pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor bersama dua anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan pemeriksaan terhadap sebuah premis yang menjalankan aktiviti mengumpul / menjual sisa pakaian lusoh di lot 792, Jalan KKB – Rasa (Ladang Ulu Selangor), Mukim Rasa. Hasil siasatan mendapati premis berkenaan tidak mempunyai kelulusan / kebenaran daripada mana-mana agensi termasuk MPHS. Pemilik juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kepada pihak MPHS. Operasi pemeriksaan ini telah diketuai oleh Encik Muhammad Yusairi bin Azman (Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MPHS). Beliau telah menerangkan kesalahan yang dilakukan dan tindakan sitaan yang akan dilaksanakan termasuk sebuah lori treler dan sebuah eskavator. Tindakan sitaan telah dilaksanakan berdasarkan lokasi pusat pengumpulan dan pelupusan pakaian lusoh ini dijalankan berhampiran dengan jalan utama dan anak sungai. Antara sebab premis ini disita adalah bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar (melalui air dan udara). Pemantauan terhadap aktiviti seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa.



## LAWATAN KOLAM AIR PANAS HULU TAMU

**2 JUN 2022 • Batang Kali.** Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd Hasry Nor Mohd meluangkan masa melawat kawasan tarikan pelancongan terkenal di Hulu Selangor, Pusat Terapi Alam Semulajadi Hulu Tamu (PTAS) di Batang Kali. Beliau meninjau kerja-kerja penyelenggaraan dan mendengar taklimat dari LAr. Mohd Fadhil Lani, Pengarah Jabatan Landskap tentang operasi di PTAS ini. Beliau juga turut melihat satu lagi kawasan kolam air panas yang terletak bersebelahan dengan PTAS, Kolam Air Panas Cholo-Cholo yang dikendalikan oleh pihak persendirian.



## LAWATAN TAPAK PROJEK

**2 JUN 2022 • Kampung Kuantan, Batang Kali.** Tuan Yang Dipertua MPHS turun padang meninjau tapak pembangunan projek perumahan bercampur oleh pemaju NCT Platinum Sdn. Bhd. Di Kampung Kuantan, Batang Kali. Turut serta dalam lawatan ini Tuan, Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua bersama-sama pengarah jabatan teknikal MPHS. Kawasan perumahan ini dikenali sebagai Ion Belian Garden yang mana telah memperolehi kelulusan pembangunan oleh MPHS. Status terkini di tapak ialah dalam proses kerja-kerja pembersihan dan kerja tanah.





## LAWATAN RUMAH HUTAN



**2 JUN 2022** • Bonda Valley, Genting Highlands. Sekitar Lawatan dan Taklimat Projek Pembangunan Bonda Valley. Turut Hadir Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Tuan Pegawai Daerah, Tuan Mohamad Hanafe Basri, Orang Besar Daerah, YDM Engku Orang Kaya Mahabijaya, Raja Muzaffar Raja Redzwa, Ahli-Ahli Majlis, Penguasa Daerah, Tuan Jamaluddin Sharif, Pegawai dari jabatan dan agensi kerajaan yang lain serta pengarah jabatan MPHS. Ketibaan delegasi rombongan di sambut oleh Puan Rozita Ibrahim, Pengasas Rumah Bonda dan Maryami Sufi Holistic and Wellness Spa. Taklimat mengenai perancangan projek pembangunan Bonda Vallley telah disampaikan oleh Tuan Halim Masri mewakili pihak Maryami Sufi. Rombongan juga turut dibawa melihat pembangunan di sekitar kawasan Rumah Sungai.



## LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

**8 JUN 2022** • Bilik Mesyuarat Chiling, MPHS. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjungan daripada Majlis Bandaraya Seremban pada 8 Jun 2022 bagi berkongsi ilmu dan pendapat dalam usaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor membantu Premis Pelancongan Inap Dusun di Daerah Hulu Selangor mendapatkan kelulusan dan lesen perniagaan. Delegasi Majlis Bandaraya Seremban seramai 30 orang telah diketuai oleh TPr. Mohd Helimy bin Samat, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seremban. Lawatan ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis dan Pegawai-Pegawai Majlis Bandaraya Seremban, MOTAC Negeri Sembilan, Pejabat Daerah/Tanah Seremban, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan, Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan.





# HULU SELANGOR ADVENTURE CHALLENGE



**11 JUN 2022** • Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu. Hulu Selangor Adventure Challenge (HSAC) 2022 dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama Pinnacle Sports. HSAC melibatkan tiga disiplin teras iaitu 60% *mountain biking*, 35% *foot orienteering and trail running* serta 5% *river rafting*. Anggaran jarak untuk perlumbaan ialah 40km. Acara pelepasan telah disempurnakan oleh Puan Saripah Bakar, Ahli Majlis Kawasan Kuala Kubu Bharu pada 11 Jun 2022 di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu. Turut hadir Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



# HULU SELANGOR ULTRA TRAIL

**12 JUN 2022** • Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu. Hulu Selangor Ultra Trail (HSUT) turut dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama Pinnacle Sports, melibatkan tiga kategori iaitu perlumbaan 50km Ultra Trail, 25km Scott Vertical Challenge dan 5km Dash.

Acara pelepasan bagi kategori 50km Ultra Trail, telah disempurnakan Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dengan diiringi oleh Encik Chinniah a/l Subramaniam, Ahli Majlis, Puan Nurul Huda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPHS.



## MAJLIS MINUM PETANG DAN PENYERAHAN GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN



**15 JUN 2022** • Dewan Serbaguna Dan Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu. Selaras dengan status perbandaran, MPHS buat pertama kalinya memperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 bagi Geran Khas Komuniti Hijau di Hulu Selangor. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS. MPHS komited dalam memastikan kesejahteraan penduduk di Hulu Selangor tercapai dan menyediakan persekitaran yang mampan untuk semua. Bagi memastikan program yang dirancang tidak hanya satu hala, pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor memperkenalkan Geran Khas Komuniti Mampan ini sebagai *entry point* bagi program-program hijau dan mampan dari pihak komuniti. Seramai **21 penerima** geran khas yang terdiri daripada **6** penerima kategori Komuniti, **2** NGO, **12** Institusi Pendidikan dan **1** daripada Institusi Keagamaan. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi fasa 1 ini adalah RM 49,000.00. Matlamat utama program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar disamping menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam kehidupan seharian.



## SESI LIBAT URUS SUK

**15 JUN 2022** • Bilik Mesyuarat Chiling, Mphs



Sesi libat urus dipengerusikan oleh Dr. Nor Fuad Abdul Hamid, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sesi libat urus ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan input dan mendengar perancangan pembangunan serta hala tuju Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam merangka Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 sebelum pelancarannya yang akan dibuat semasa Sidang Dewan Negeri .



## Majlis APRISIASI JMB / MC 2021

**17 JUN 2022** • Resort World Awana, Genting Highlands.

Majlis ini diadakan bagi meraikan dan menghargai usaha-usaha yang telah dibuat di peringkat JMB/MC demi keseluruhan penduduk dan pihak berkepentingan di kawasan pemajuan berstrata.

Penarafan Bintang Skim Pemajuan Bangunan Berstrata ini telah dilaksanakan berdasarkan sistem pemarkahan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dipantau di peringkat negeri oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar & Pembangunan Usahawan.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## KONVOI MBPJ KE MPHS

20 JUN 2022 • Ibu Pejabat, MPHS

MPHS telah menerima kunjungan Konvoi Jelajah Bermotosikal, MBPJ Bikers Club Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang hadir mempromosikan aktiviti dan program sempena Sambutan Ulang Tahun Majlis Bandaraya Petaling Jaya ke-16.



Konvoi yang membawa seramai lebih kurang 25 peserta itu di sambut oleh Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd Hasry Nor Mohd bersama Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin Zakaria serta Pengarah Jabatan.



## MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (MPIPANS) 2022



23 JUN 2022 • Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. MPHS telah menghantar 3 kumpulan untuk bertanding di MPIPANS 2022 yang terdiri daripada Kumpulan IKIGAI daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bersama Jabatan Perancang Bandar, Kumpulan Prisma Tech daripada Jabatan Kejuruteraan serta Kumpulan Nature Throne daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Sesi penilaian telah berlangsung daripada 20 Jun 2022 hingga 23 Jun 2022 bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Semoga ketiga-tiga kumpulan memperoleh kejayaan di MPIPANS 2022 ini.



## PROGRAM MAHABBAH BERSAMA IPD HULU SELANGOR



**21 JUN 2022** • Padang Tembak Kuala Kubu Bharu. Program secara mengejut ini dikelolakan dan dikendalikan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan MPHS. Pada program ini Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd Hasry bin Mohd Nor turut hadir serta semua Pengarah Jabatan MPHS. Turut serta juga Pegawai-Pegawai Tertinggi dari IPD Hulu Selangor diketuai oleh *Officer Commissioner* IPD Hulu Selangor.



## MPHS ANJUR HARI BERTEMU PELANGGAN

**24 JUN 2022** • Ibu Pejabat, MPHS. Hari Bertemu Pelanggan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dianjurkan bagi membuka peluang rakyat untuk mendapatkan khidmat nasihat, menyalurkan aduan, pandangan atau masalah secara bersemuka dengan kakitangan MPHS. Program ini melibatkan 13 jabatan dalaman MPHS dan 1 agensi luar yang merangkumi 12 Kaunter Khidmat Pelanggan, 1 Kaunter Biro Pengaduan Awam dan 1 Kaunter Aduan. Sebagai aktiviti sampingan, beberapa gerai jualan turut dibuka bagi memeriahkan majlis. Program yang dijalankan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran ramai pelanggan bersemuka dengan pegawai yang bertugas bagi menyatakan masalah dan aduan dan diselesaikan di kaunter-kaunter yang disediakan di sini. Pelanggan yang hadir diberi penerangan berkenaan penggunaan *e-billing* di mana pada masa akan datang pihak majlis tidak lagi mengeluarkan bil fizikal namun pelanggan boleh mengimbas pada kod QR yang disediakan untuk mengemaskini bil secara maya. Pada masa sama, penerangan berkaitan kaedah penyaluran aduan turut dijelaskan kepada pelanggan. Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua MPHS, Awaluddin Zakaria, Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor, Norsuhana Azman dan Ketua Bahagian Korporat MPHS, Junainah Abdullah selaku urusetia program.



# MAJLIS MERAIKAN PESARA DAN BAKAL PESARA MPHS



**24 JUN 2022 • Ibu Pejabat, MPHS.** Majlis serba ringkas diadakan pada 24 Jun 2022 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Chilling, MPHS sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan yang telah bersara pada 23 Mei 2022 yang lalu iaitu Encik Abu Bakar bin Dilu dan bakal pesara Puan Shahida binti Samsudin yang akan bersara pada 1 Julai 2022.

Majlis yang dihadiri oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria (Timbalan Yang Dipertua, MPHS) turut mengucapkan selamat bersara dan mendoakan mereka semoga diberi kesihatan yang baik serta ucapan jutaan terima kasih kerana telah memberi sumbang bakti dan berkhidmat dengan penuh komited selama di MPHS.

Encik Abu Bakar bin Dilu telah berkhidmat di MPHS mulai tahun 1984 dan tempoh perkhidmatan beliau di MPHS ialah 38 tahun. Manakala Puan Shahida binti Samsudin telah berkhidmat di MPHS selama 29 tahun mulai tahun 1993.

## OPERASI SITA ROPE SWING

**24 JUN 2022 • Kuala Kubu Bharu.** MPHS dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Hulu Selangor dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Hulu Selangor telah menjalankan operasi bersepadu ke atas syarikat yang menjalankan aktiviti sukan lasak *Rope Swing* bertempat di Kuala Kubu Bharu.

Operasi dijalankan apabila pihak majlis mendapat aduan berkenaan aktiviti sukan tersebut yang masih beroperasi walaupun masih tidak mendapat kebenaran daripada mana-mana agensi yang berkaitan. Pengurus syarikat berkenaan turut hadir semasa operasi dijalankan dan telah dimaklumkan kesalahan yang dilakukan. Pihak syarikat akur dan akan menghentikan operasi sehingga mendapat memenuhi segala syarat yang ditetapkan.



Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd berkata, sehingga kini tiada sebarang kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak JKR Hulu Selangor bagi penggunaan jambatan yang berkaitan untuk menjalankan aktiviti *rope swing*.

Susulan operasi tersebut, pihak majlis telah menyita 73 unit kon dan 34 unit halangan plastik serta kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan seksyen 46(1)(a) akta 133 kerana meletakkan apa-apa barang yang boleh menyebabkan halangan di tempat awam.



## LATIHAN KEBAKARAN

**30 JUN 2022 • Pejabat MPHS.** Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill*) telah diadakan di Pejabat MPHS melibatkan semua warga kerja dan pelanggan yg berada di dalam pejabat. Latihan ini diadakan dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu dengan keanggotaan seramai 7 orang anggota untuk membantu pihak MPHS. Saranan daripada pihak BOMBA, latihan ini perlu diadakan sebanyak 2 kali setahun agar semua kakitangan dan pelanggan dapat bersedia sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini sewaktu berurusan di Pejabat MPHS.



# PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

Y.D.M RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA D.S.I.S.



22 Januari 2022

Istiadat Pengurniaan Pingat Negeri Selangor di Istana Alam Shah, Klang.



29 Januari 2022

Perasmian Pusat Kitar Semula Pintar, Adenium, Bukit Beruntung.



2 Februari 2022

Keberangkatan D.Y.T.M Raja Muda Selangor Hiking ke Lata Medang Hulu Selangor.



12 Februari 2022

Kayuhan Basikal bersama D.Y.T.M. Raja Muda Selangor ke Morib.



7 Mac 2022

Perhimpunan Pagi Penjawat Awam Daerah Hulu Selangor bersama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Dewan Serbaguna, Kuala Kubu Bharu.



10 Mac 2022

Majlis Penyerahan Projek Masjid Kampung Melayu Rasa.



1 April 2022

Majlis APC 2021 Majlis Perbandaran Hulu Selangor di Genting Highlands.



1 April 2022

Kemahiran Menembak Bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor di Lapang Sasar PDRM.



15 April 2022

Majlis Berbuka Puasa Bersama Y.A.B. Dato'Menteri Besar Selangor bersama MPKK/ Ketua Kampung Tradisi Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, SUK Shah Alam.



19 April 2022

Majlis Berbuka Puasa dan Penyerahan Sumbangan Aidilfitri Y.A.B. Dato'Menteri Besar Selangor bersama Ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor di Masjid Nurul Iman, Serendah.



27 April 2022

Majlis Khatam Al-Quran Masjid Ar-Rahimah Kuala Kubu Bharu di Masjid Ar-Rahimah, Kuala Kubu Bharu.



27 April 2022

Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih di Masjid Istana Alam Shah, Klang.



15 Mei 2022

Program Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Selangor Peringkat Daerah Hulu Selangor.



19 Mei 2022

Penyampaian Sumbangan Banjir Oleh Orang Besar Daerah di Kerling.



2 Jun 2022

Taklimat dan Lawatan Rumah Bonda, Batang Kali.



30 Mei 2022

Majlis Mahabbah Aidilfitri Majlis Perbandaran Hulu Selangor di Pangsapuri MPHS.



17 Jun 2022

Majlis Apresiasi JMB / MC 2021 Daerah Hulu Selangor di Resorts World Awana, Genting Highlands.

# PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

## ENCIK FUAD BIN AHMAD NARAVI



18 Januari 2022

Flat Anggerik 3, Bukit Sentosa - Ziarah medik dan sumbangan barangan asas.



20 Mac 2022

Taman Tasik Rekreasi Desa Anggerik, Serendah - Pertandingan Memancing Serendah 2022 & Edaran Sumbangan keluarga kuarantin Covid19



28 Januari 2022

Sumbangan voucher back to school 2022.



27 Mac 2022

Flat Anggerik 3, Bukit Sentosa - Ziarah medik dan sumbangan barangan asas.

## ENCIK MD JOHARI HALUS



April / Mei 2022

Kejiranan AM Zon 15 - Program Ziarah Ramadhan 1443H.

## ENCIK ABDUL MUN'IM BIN ROSLIN



9 April 2022

Sumbangan kurma kepada masjid, surau dan Kawasan Rukun Tetangga Zon Kalumpang.



9 April 2022

Edaran bubur lambuk kepada penduduk sekitar Kalumpang.



# PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

## PUAN LAW SUET PENG



..... 2022  
Agihan makanan dalam tin sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia.



..... 2022  
Agihan lemang sempena Hari Raya Aidil Fitri.



..... 2022  
Agihan limau, kuih raya, cendawan kepada pemimpin setempat sempena Tahun Baru Cina.

## PUAN LIM POH KUAN



25 Januari 2022  
Program sumbangan angpau dan buah limau sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2022.



18 Jun 2022  
Lawatan dan sumbangan kewangan kepada Pusat Jagaan Kanak-Kanak Kurang Upaya Kirtash, Bukit Beruntung.



13 Jun 2022  
Program Sambutan Hari Ibu Bapa 2022.



# KERATAN AKHBAR JANUARI - JUN 2022

## AGENDA 18

selangorkini 26 Mei - 1 Jun 2022

### MPHS hargai 340 sukarelawan

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menghargai 340 sukarelawan yang terlibat menjayakan misi pascabanjir di Kerling pada 19 Mei. Yang Dipertuanya Mohd Hasry Nor Mohd juga berterima kasih atas kesungguhan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain dan agensi kerajaan dalam operasi pembersihan di kawasan terjejas.

"Terima kasih atas sumbangan rakan-rakan PBT dan agensi kerajaan yang turun membantu sehingga kerja pembersihan dapat dilakukan secara menyeluruh di kawasan terlibat"

nya dalam kenyataan. PBT terlibat antaranya Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Operasi turut disertai Majlis Perbandaran Klang, Majlis Daerah Sabak Bernam selain Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak, PTD Hulu Langat, KDEB Waste Management, Jabatan Kerja Raya serta Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.



"Sukarelawan dibahagi kepada empat zon dengan setiap zon diberi tugas tertentu seperti membersihkan bangunan awam, kawasan perumahan, jalan utama, surau, balai raya dan padang futsal," katanya.

Hujan lebat lebih tiga jam di beberapa daerah di negeri ini pada 16 Mei lalu menyebabkan banjir kilat di Hulu Selangor. Kawasan terjejas antaranya Kerling, Kampung Kelapa, depan persimpangan Maktab Polis Diraja Malaysia di Kuala Kubu Bharu dan perumahan Taman Serendah Makmur.





# APORAN ADUAN JANUARI - JUN 2022



## SISTEM PENGURUSAN ADUAN #SmartSelangor (JANUARI - JUN 2022)

### PENERIMAAN & EDARAN ADUAN

BULAN	TERIMA	EDARAN
JAN	236	284
FEB	214	278
MAC	279	329
APR	223	262
MEI	223	262
JUN	270	317
<b>JUMLAH</b>	<b>1,445</b>	<b>1,732</b>

### PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN

MAJLIS / JABATAN	ADUAN	%
JABATAN PENGUATKUASAAN	352	20.32
JABATAN KEJURUTERAAN	343	19.80
JABATAN LANDSKAP	309	17.84
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	284	16.40
UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR	175	10.10
JABATAN BANGUNAN	101	5.83
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	48	2.77
MPHS (KORPORAT DAN LUAR BIDANG KUASA)	21	1.21
JABATAN PELESENAN	27	1.56
JABATAN PERANCANG	41	2.37
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	19	1.10
JABATAN PERBENDAHARAAN	6	0.35
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	6	0.35
<b>JUMLAH</b>	<b>1,732</b>	<b>100.00</b>




### PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

BUTIRAN	ADUAN	%
PONDOK/STESEN BAS/TEKSI	2	0.10
KEBERSIHAN PERMIS MAKANAN	5	0.24
PERUMAHAN	6	0.29
IKLAN	11	0.54
BIL CUKAI TAKSIRAN	13	0.63
PROJEK/TAPAK BINAAN	16	0.78
BENCANA ALAM	22	1.07
PENGUATKUASAAN	22	1.07
TAMAN PERMAINAN / TAMAN RIADAH / TAMAN TASIK / DATARAN	23	1.12
TADBIR URUS	25	1.22
HARTA PBT	26	1.27
HALANGAN AWAM	32	1.56
LESEN PENIAGAAN	33	1.61
PENJAJA	34	1.66
PENCEMARAN	68	3.32
TEMPAT LETAK KENDERAAN / PARKIR	100	4.88
LAMPU	113	5.51
JALAN	115	5.61
BANGUNAN	124	6.05
KEJIRANAN	208	10.15
HAIWAN / SERANGGA	305	14.88
POKOK	373	18.20
PEMBERSIHAN AWAM	374	18.24
<b>JUMLAH</b>	<b>2,050</b>	<b>100.00</b>


**3**

### KATEGORI DAN MASALAH ADUAN TERTINGGI DALAM SISTEM SISPA


#### PEMBERSIHAN AWAM



#### POKOK



#### HAIWAN / SERANGGA



37

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# DIREKTORI



**YANG DIPERTUA**

**TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S.**



SETIAUSAHA

**TUAN AWALUDDIN BIN ZAKARIA**  
A.M.S.



ENGGARAH

JABATAN PERBENDAHARAAN  
**ENCIK SHAIFUL RIZZA BIN HJ PIAMIN**  
C.A.(M), P.P.T.



ENGGARAH

JABATAN KEJURUTERAAN  
**ENCIK MOHD AZDA BIN NORDIN**  
P.P.T.



ENGGARAH

JABATAN PERANCANG BANDAR  
**PUAN AZLINA BT MOKHTAR**  
P.P.T.



ENGGARAH

JABATAN LANDSKAP  
**Lkr. MOHD FADHIL BIN MOHD LANI**



ENGGARAH

JABATAN BANGUNAN  
**ENCIK MD RIZAL BIN MOHD SOFIAN@ABD KARIM**



ENGGARAH

JABATAN PELESENAN  
**ENCIK KAMARUZZAMAN BIN ABDUL RAHMAN**  
P.P.T.



ENGGARAH

JABATAN PENGUATKUASAAN  
**MUHAMMAD AZRUL NIZAM BIN MOHD AZIZI**



ENGGARAH

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
**ENCIK MOHD NORAZIF BIN AHMAD TAMISIS**



ENGGARAH

JABATAN PENGURUSAN SISA PEJAJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM  
**ENCIK MOHD SHAHRIL BIN RAMLI**



KETUA

BAHAGIAN KORPORAT  
**PUAN JUNAINAH BINTI ABDULLAH**



KETUA

BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)  
**ENCIK MOHD RAZAINI BIN ISHAK**



KETUA

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)  
**PUAN HUSNA BINTI HASSAN**



ENGGARAH

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA  
**ENCIK AMLIE BIN ISMAIL**  
P.P.T.



KETUA

BAHAGIAN PERUNDANGAN  
**PUAN RUZIANAH BINTI MOHAMAD**



KETUA

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
**ENCIK MOHAMAD RAMDAN BIN IBRAHIM**



KETUA

BAHAGIAN AUDIT DALAM  
**ENCIK SAMSUL KAMAL BIN ABD AZIZ**



KETUA

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
**PUAN NURUL HUDA AHMAD BINTI KHAIRUDDIN**



KETUA

BAHAGIAN PEROLEHAN  
**ENCIK NORAZIMAH BINTI MOHD ARSHAD**



KETUA

UNIT INTEGRITI  
**ENCIK ABDULLAH SHAHRUL BIN ROSLI**

# YANG DIPERTUA SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS



YANG DIPERTUA  
ENCIK DIMULJAKAN ENGKU ORANG KAYA  
MAHA BIJAYA HULU SELANGOR  
DATO' RAJA MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA  
D.S.I.S.



ENCIK LAW CHUN YOONG



PUAN LAW SUET PENG



ENCIK MUNI'IM BIN ROSLIN



PUAN SALMAH BINTI ALI



ENCIK MURALI A/L SAMEE



PUAN ROHANI BINTI YUSOFF



PUAN LIM POH KUAN



PUAN SARIYAH BINTI BAKAR



CIK HUSNA BINTI MOHD AMRAN



ENCIK RANAGARAJA A/L ALLAGASAN



PUAN YONG CHAN HEE



ENCIK JOHARI BIN HALUS



ENCIK LEE MENG WAN



PUAN TAN LAI ZHEN

*inside back cover*



ENCIK A. DUARAI ANBALAGAN A/L  
AYYA KANAMA



ENCIK FUAD BIN AHMAD NARAVI



PUAN NOHAYATI BINTI ABU KASIM



PUAN ARABAIH BINTI SALEH



ENCIK CHINNIAH A/L SUBRAMANIAM



ENCIK MUHAMMAD DZUL HILMI  
BIN ZAINOL



ENCIK L. KAMALESA RAO A/L  
LETCHIMANAN



PUAN MARINA A/P JEYASEELAN




ENCIK MUHAMMAD SHAFIQ  
BIN ZAZALI





## MEKANISME SALURAN ADUAN APLIKASI iCLEAN SELANGOR

iClean Selangor membantu anda untuk melaporkan aduan berkenaan sampah secara langsung melalui telefon pintar anda.



### Pendaftaran Mudah

Pendaftaran menjadi ahli baru adalah mudah dan pantas.



### Lokasi Aduan

Setiap aduan akan mempunyai lokasi GPS untuk kami pastikan kesahihannya dengan lebih tepat.



### Aduan Bergambar

Meningkatkan kesahihan geografi dengan menambah unsur-unsur imej ke atas peta.



### Semakan Aduan

Anda boleh menyemak aduan anda melalui aplikasi mobile pada bila-bila masa. Status aduan akan dihantar sebagai notifikasi untuk makluman anda.



### Lebih Cepak

Setiap Aduan yang kami terima akan dikategori secara automatik dan diutus kepada jabatan dan bahagian yang berkenaan dengan pantas. Aduan anda akan dapat kami segerakan tindakannya.



### Maklum Balas Awal

Anda akan diberikan maklum balas secepat selepas aduan anda diterima. Sebarang maklumat ke majuan akan dihantar kepada anda dengan kadar segera.

019-375 9592  
019-375 3980

019-274 2824

iclean@kdebwm.com

1-800-88-2824

**Muat-Turun Sekarang!**




\* Hanya Taip "iClean Selangor" di ruangan carian.

### Daftar

1. Klik pada ikon 'PENGGUNA BARU'
2. Masukkan NAMA, NAMA PROFIL dan NOMBOR KAD PENGENALAN anda dan tekan 'Seterusnya'
3. Masukkan ALAMAT, NOMBOR TELEFON, NO FAKS, E-MEL dan pilih PIHAK BERKUASA TEMPATAN anda dan tekan 'Seterusnya'
4. ID PENGGUNA anda akan ditetapkan. Masukkan KATALALUAN dan sahkan KATALALUAN anda. Tekan 'Hantar'



ISSN 2685-8367



**MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.

Telefon : +603 6064 1331 | Faks : +603 6064 3991 | Aduan : aduan@mphs.gov.my